

Alumni UMS adakan CSR di Pulau Sebatik

UB 11.8.2018 B1

SERAMAI 60 warga dan alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di Pulau Sebatik, Tawau.

Program CSR yang dianjurkan dengan gabungan kerjasama Pusat Alumni UMS dan Alumni UMS Chapter Tawau itu menyaksikan para alumni menyumbang khidmat komuniti mengecat bangunan pusat sumber Sekolah Kebangsaan (SK) Mentadak Baru.

CSR itu turut merangkumi sumbangan berupa alat tulis kepada sekolah itu di samping dua sekolah lain iaitu SK Wallace Bay dan Sekolah Menengah Kebangsaan Wallace Bay.

Majlis perasmianya disempurnakan Pembantu Menteri Pembangunan dan Infrastruktur merangkap Adun Sebatik Datuk Hj Abdul Muis Hj Picho.

Dalam ucapannya, beliau berkata usaha pihak UMS dan alumni untuk mengadakan CSR ke pulau



HARUN (kanan) sedang menjalankan kajian air di sekitar Pulau Sebatik.

itu sangat dihargai dan diharapkan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

“Program

seumpama ini dapat memberi kesedaran dan mengukuhkan lagi ikatan tali persaudaraan antara penduduk kampung dan komuniti luar,” katanya.

Beliau menaruh keyakinan program



PARA alumni UMS mengecat Pusat Sumber SK Mentadak Baru.



SUMBANGAN berupa alat tulis disampaikan Muis (dua kiri) kepada guru besar SK Mentadak Baru dan SK Wallace Bay serta pengetua SMK Wallace Bay sambil diperhatikan Darwis (tepi kiri) dan Harun (tiga dari kiri).

membela nasib rakyat yang meliputi keseluruhan masyarakat tanpa mengira kaum,” katanya.

“Ini merupakan bukti jelas usaha kerajaan sentiasa komited dalam memperjuangkan dan

sekitar Pulau Sebatik.

Turut hadir, Pengarah SIRC UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Pengarah Pusat Alumni UMS Darwis Awang serta para pemimpin tempatan dan penduduk kampung.



PARA alumni dan sebahagian penduduk kampung Mentadak mengambil gambar kenangan bersama Muis (tiga kiri) bersama Harun (empat dari kiri) dan Darwis (dua kiri).